

CNS8716

R GB 23-11 00183 BA018

aab

Mahathir - China (Dengan Gambar)

MALAYSIA BERMINAT BUKA KILANG PEMASANGAN KERETA DI CHINA

I

KUALA LUMPUR, 23 Nov (Bernama) -- Malaysia berminat mendirikan sebuah kilang pemasangan kereta di China bagi merebut peluang daripada permintaan kereta di negara itu pada masa akan datang.

Hasrat itu disampaikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada Menteri Perdagangan Dalam Negeri China, Zhang Haoruo, yang mengunjungi beliau di pejabatnya di sini, hari ini.

Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, yang turut hadir pada pertemuan itu, memberitahu pemberita bahawa Malaysia berharap untuk memasang kereta di republik itu memandangkan kepesatan pertumbuhan ekonominya dan jangkaan permintaan yang meningkat bagi kereta.

Dr Mahathir tidak menyatakan sama ada kilang yang dicadangkan itu akan memasang kereta Proton atau kereta nasional kedua, katanya. Bagaimanapun, beliau percaya Perdana Menteri merujuk kepada kereta nasional yang kedua.

Zhang, yang tiba di sini pada Ahad untuk jawatan sembilan hari, mengetuai serombongan empat anggota untuk menggalakkan perdagangan dua hala dan kegiatan usahasama dengan syarikat-syarikat yang berasaskan balak di Malaysia. -- lagi.

▼23/11/12-27MST

CNS8720

R GB 23-11 00109 BA020

aab

Mahathir - China 2 Kuala Lumpur

Dr Mahathir juga menerangkan kepada menteri dari China itu mengenai pengeluaran Proton dan kereta nasional kedua, yang dijangka bermula tahun depan, kata Lim.

Beliau berkata, Zhang menyambut baik permintaan Dr Mahathir itu walaupun China pada masa ini mempunyai pengeluaran kereta yang berlebihan.

"Bagaimanapun, kereta yang mempunyai teknologi yang tinggi dan harga yang bersaing disambut baik di China," katanya.

Lim berkata, Zhang memberi jaminan kepada Perdana Menteri bahawa beliau akan menyampaikan hasrat Malaysia itu kepada pihak berkuasa China.

"Kami berharap mendapat sambutan yang baik daripada pihak berkuasa China," katanya. -- lagi.

▼23/11/12-37MST

CNS8750

R GB 23-11 00168 BA022

aah

Mahathir - China 3. (Akhir) Kuala Lumpur

Zhang juga memberi jaminan kepada Dr Mahathir bahawa sekiranya kilang yang dicadangkan di China itu didirikan, perhatian khas serta promosi yang meluas akan diberikan kepada kereta-kereta buatan Malaysia, kata Dr Lim.

Beliau juga berkata, Dr Mahathir menyambut baik langkah China mengurangkan duti import bagi minyak kelapa sawit daripada 28 peratus kepada 20 peratus dan bersetuju dengan kemudahan kredit minyak sawit sebanyak AS\$100 juta (RM255 juta) daripada Malaysia.

Pada pertemuan yang dianggap berjaya itu, Zhang menjelaskan bahawa lawatannya ke Malaysia bertujuan meningkatkan hubungan perdagangan dua hala dan memaklumkan kepada Dr Mahathir mengenai hasrat China untuk membeli lebih banyak barangan Malaysia seperti jentera berat.

Pardana Menteri kemudian menerima kunjungan Panglima Angkatan Bersenjata Indonesia Jen Feisal Tanjung, yang tiba di sini semalam untuk menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Am Sempadan Malaysia-Indonesia yang ke-22 di sini hari ini.

Jen Feisal diiringi Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak. --

Bernamea

BS 20 NMO

▼23/11/13-11MST